Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Semua Ketua Pengarah/ Pengurus Besar/ Ketua Eksekutif
Setiausaha Bahagian Kanan (Khidmat Pengurusan)
Semua Setiausaha Bahagian
Semua Ketua Unit
Pengarah INFRA
Semua Pengarah Pejabat KKDW Negeri (PKN)

KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH (KKDW)
BILANGAN 2 TAHUN 2024

PENETAPAN KADAR BAGI BUKAN PEGAWAI AWAM YANG TERLIBAT DALAM PROGRAM KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH (KKDW)

TUJUAN

1. Tujuan Surat Pekeliling Ketua Setiausaha (SPKSU) ini adalah untuk menetapkan kadar bagi **bukan pegawai awam** yang terlibat dalam program/ aktiviti rasmi anjuran Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW). Penglibatan orang awam dalam program/ aktiviti rasmi KKDW adalah selaras dengan fungsi KKDW untuk meningkatkan kegiatan ekonomi dan kesejahteraan dalam kalangan masyarakat luar bandar.

LATAR BELAKANG

2. Selaras dengan keperluan semasa, Kementerian Kewangan (MOF) pada **15 Januari 2021** telah mengeluarkan Pekeliling **WP10.9** (Penetapan Kadar dan Perolehan Perkhidmatan Kepakaran Daripada Kalangan Bukan Pegawai Awam Dalam Program Rasmi Kerajaan). Sehubungan itu, SPKSU ini dikeluarkan sebagai langkah kawalan dalaman Kementerian dalam melaksanakan Program KKDW bagi memastikan peruntukan yang diterima dibelanjakan secara optimum dan berhemat.

TAFSIRAN

3. Melainkan sesuatu itu terjelas maksudnya di dalam SPKSU ini, tafsiran di bawah ini hendaklah diikuti:

3.1 "**Bukan pegawai awam**" adalah ditafsirkan tidak melibatkan pegawai dalam mana-mana perkhidmatan awam sebagaimana diperuntukkan di bawah Perkara 132(1) Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini, sekiranya terdapat penjawat awam dan bukan penjawat awam, maka kadar majoriti tetamu akan digunakan;

3.2 "**Program Rasmi**" merangkumi acara rasmi/ majlis/ keraian rasmi kerajaan/ mesyuarat/ persidangan/ konvensyen/ latihan/ seminar/ bengkel/ kursus/ forum di peringkat Antarabangsa/ Kebangsaan/ Kementerian/ Jabatan/ Agensi di bawah KKDW, kempen atau program bertemu pelanggan oleh KKDW yang melibatkan penyertaan orang ramai, program meraikan pelawat iaitu orang kenamaan atau rombongan rasmi dari dalam atau luar Negara yang diakui wajib diraikan secara rasmi berkaitan dengan urusan Kerajaan, acara pelancaran atau perasmian serta penutup sesuatu projek/ pertandingan oleh Kementerian/ Jabatan/ Agensi di bawah KKDW;

3.3 **“Penganjur”** bermaksud Bahagian/ Jabatan/ Agensi di bawah KKDW yang melaksanakan program. Ianya juga merangkumi Unit dan Pejabat KKDW Negeri;

3.4 **“Golongan sasar”** merujuk kepada orang awam yang mana penglibatannya menjadi sebahagian daripada objektif dalam penganjuran program rasmi Kerajaan seperti pelajar sekolah, petani, nelayan, orang kelainan upaya (OKU) dan lain-lain penyertaan individu bukan pegawai awam dalam program rasmi Kerajaan; dan

3.5 Tafsiran bagi lain-lain perkataan khusus yang di gunakan dalam SPKSU adalah seperti dalam kamus di **Lampiran A**.

KATEGORI KADAR BUKAN PEGAWAI AWAM

4. Kategori kadar bagi bukan pegawai awam yang terlibat dalam program/ aktiviti rasmi anjuran KKDW adalah seperti berikut:

4.1 Kadar Makanan dan Minuman serta Penginapan

4.1.1 Selaras dengan PB3.1 (Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan), premis atau kemudahan milik Kerajaan yang bersesuaian, atau institusi latihan milik Kerajaan perlu diutamakan semasa pemilihan lokasi program bagi mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan dan mengawal peruntukan.

4.1.2 Perincian kadar makanan dan minuman serta penginapan adalah seperti berikut:

(i) Kadar bagi **pakej makanan dan minuman serta penginapan** ialah sehingga **RM300.00 sehari bagi Semenanjung** dan **RM350 bagi Sabah dan Sarawak. Perkongsian bilik adalah perlu diutamakan**;

(ii) Kadar bagi **bukan pakej** (makanan dan minuman sahaja tidak termasuk penginapan) adalah seperti berikut:

Perbelanjaan	Semenanjung (RM)	Sabah & Sarawak (RM)
Minum Pagi	8.00	10.00
Makan Tengahari	14.00	16.00
Minum Petang	8.00	10.00
Makan Malam	14.00	16.00
Minum Malam	6.00	8.00
Penginapan Sahaja	250.00	300.00
Bayaran Dobi (ILA)	15.00	30.00

(iii) Kadar bagi **pakej makanan dan minuman serta penginapan** peserta Antarabangsa ialah sehingga **RM720.00 sehari**. Manakala kadar bagi bukan pakej (makanan dan minuman sahaja tidak termasuk penginapan) adalah sehingga berikut:

Perbelanjaan	Semenanjung (RM)
Minum Pagi	20.00
Makan Tengahari	80.00
Minum Petang	20.00
Makan Malam	80.00
Minum Malam	20.00
Separuh Hari	180.00
Penginapan Sahaja	500.00

(iv) Kadar bayaran bagi makan minum bagi TABIKA/ TASKA, dan makanan bermasak Islam di Semenanjung, Sabah dan Sarawak ialah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Kadar Bayaran Makan Minum bagi TABIKA/ TASKA dan Makanan Bermasak Islam di Semenanjung, Sabah dan Sarawak

KATEGORI	KADAR (RM) (SEMENANJUNG)	KADAR (RM) (SARAWAK DAN SABAH)
Kanak-Kanak TABIKA KEMAS	RM10.00 sehari	
Kanak-Kanak TASKA KEMAS	RM12.00 sehari	
Makanan Bermasak Islam* (MRSM)	RM21.00 sehari	RM22.00 sehari

*Catatan: semua makanan sama ada mentah atau bermasak yang dibekalkan ke TABIKA/ TASKA KEMAS dan MRSM hendaklah HALAL.

4.2 Kadar Tambang-Menambang dan Pengangkutan

4.2.1 Sekiranya pembayaran tambang perlu dibuat, kadar bayaran bagi **tambang kapal terbang** adalah seperti berikut:

(i) Tambang kapal terbang hendaklah mengikut harga semasa kelas ekonomi (asas) atau nilai lain yang terendah;

(ii) Pembayaran tambang kapal terbang adalah terhad kepada perjalanan daripada Semenanjung ke Sabah/ Sarawak **atau** Sabah/ Sarawak ke Semenanjung **atau** jarak perjalanan yang melebihi 400km sehala dan lebih menjimatkan dengan menggunakan pengangkutan udara; dan

(iii) Tuntutan perlu **disokong dengan resit** termasuk **cukai lapangan terbang** (*airport tax)* dan **pas menaiki pesawat** (*boarding pass*).

(iv) Penyediaan tiket kapal terbang bagi peserta boleh dilaksanakan menggunakan kaedah **Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA) atau Pesanan Kerajaan (LO).** Namun, bagi keadaan '***No Show Passenger***' yang disebabkan oleh kecuaian atau kegagalan mematuhi masa perjalanan ia adalah menjadi **tanggungjawab peserta kursus, pihak penganjur atau penyelaras peserta untuk melaksanakan ganti rugi kepada pihak Kerajaan**.

4.2.2 Manakala kadar pembayaran bagi penggunaan **kenderaan sendiri** adalah seperti berikut:

(i) Pembayaran tuntutan perjalanan adalah berkonsepkan saguhati secara ***one-off***;

(ii) Kadar bayaran ialah sehingga **RM0.60/ kilometer**; dan

(iii) Kadar bayaran maksimum bagi penggunaan kenderaan sendiri adalah sehingga **RM480.00**.

4.2.3 Kadar bayaran bagi penggunaan **perkhidmatan pengangkutan awam selain dari kenderaan sendiri atau kapal terbang** adalah seperti berikut:

(i) Tuntutan dibuat berasaskan kepada tambang bagi satu (1) **perjalanan pergi dan balik sekali sahaja**; dan

(ii) Tuntutan perlu disokong dengan resit.

4.2.4 Penganjur digalakkan menyediakan pengangkutan untuk peserta seperti bas/ bas mini/ *coach*/ van/ bot/ feri atau menggalakkan perkongsian kenderaan.

4.2.5 Tuntutan perjalanan atau pembayaran bagi penggunaan perkhidmatan pengangkutan udara/ awam seperti di atas adalah terpakai untuk penceramah/ tenaga pengajar atau seumpamanya; dan

4.2.6 Segala pembayaran tambang-menambang dan pengangkutan ini dibuat tertakluk kepada peruntukan sedia ada masing-masing.

4.3 Kadar Elaun dan Bayaran Saguhati

4.3.1 Kadar dan Elaun yang dibayar di bawah kategori ini merangkumi kadar Elaun Hilang Punca Pendapatan (**EHPP**), Elaun Sara Hidup (**ESH**), Elaun Wang Saku Pelajar (**EWSP**) dan Saguhati Keluarga Angkat (**SKA**).

4.3.2 **EHPP** diberikan kepada peserta yang tidak mempunyai pendapatan tetap dan hanya bergantung kepada kerja harian untuk mendapatkan upah/ pendapatan. Ianya diberikan untuk menggantikan pendapatan yang hilang sepanjang tempoh peserta menghadiri program berkenaan. Peserta yang layak dibayar EHPP hendaklah terlibat dalam majlis atau program yang **tidak melebihi 3 hari** dengan kadar **sehingga RM70.00 sehari**. Pengesahan kehilangan pendapatan harian hendaklah dibuat oleh Ketua Kampung/ Pengerusi/ Setiausaha Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK).

4.3.3 **ESH** dibayar kepada peserta yang terlibat dalam bengkel/ kursus dan program pensijilan. Kadar bayaran bagi ESH ialah **sehingga RM30.00 sehari**. Seorang peserta hanya boleh dibayar satu (1) jenis elaun sahaja samada EHPP atau ESH. Peserta yang **telah dibayar ESH tidak layak menuntut EHPP**.

4.3.4 **EWSP** diberikan kepada pelajar Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) di bawah Program Bantuan Pendidikan (BUDI) dengan kadar **sehingga RM100.00** bagi **seorang pelajar** untuk **sebulan.**

4.3.5 **SKA** adalah bayaran yang diberikan kepada Keluarga Angkat sebagai saguhati dalam tempoh penempatan peserta. Kadar SKA ialah **sehingga RM50.00 seorang peserta/ sehari** tertakluk kepada peruntukan sedia ada Jabatan/ Agensi.

4.3.6 Saguhati Peserta Antarabangsa adalah bayaran yang diberikan kepada peserta antarabangsa sebagai saguhati bagi tempoh mengikuti program/kursus dalam Negara anjuran INFRA. Kadar SPA adalah **sehingga RM80.00** seorang peserta/ sehari. Pemberian kadar ini tertakluk kepada peruntukan, garis panduan dan peraturan sedia ada Jabatan/ Agensi.

4.4 Kadar Cenderamata

4.4.1 Pemberian cenderamata adalah tidak digalakkan. Walau bagaimanapun, pemberian cenderamata sekiranya benar-benar perlu dihadkan kepada **buku, kraftangan tempatan, produk makanan tempatan atau produk yang dihasilkan oleh agensi-agensi di bawah KKDW** seperti mana yang digariskan pada para 3.10.1.3, di PB3.1 (Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan).

4.4.2 Kadar pemberian cenderamata kepada **anggota pentadbiran Kerajaan** adalah berdasarkan **surat Jabatan Perdana Menteri (JPM) Bil. BKPP.R.700-4/1/2 Jld. 5(41) bertarikh 18 Ogos 2020**.

4.4.3 Kadar pemberian **cenderamata korporat** ialah seperti berikut:

(i) Pemberian cenderamata kepada Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong/ Raja Permaisuri Agong / Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja/ Tuan/Tuan Yang Terutama Yang DiPertua–Yang DiPertua Negeri/ Raja Muda/ Tengku Mahkota dan isteri-isteri Baginda adalah sehingga

RM5,000.00 untuk sekali pemberian dalam satu (1) program (satu (1) item atau campuran beberapa item);

(ii) Kadar bagi pemberian cenderamata kepada **YB Ahli Parlimen** dan **YB Ahli Dewan Undangan Negeri** (DUN) dengan kadar maksimum sehingga **RM350.00**; dan

(iii) Kadar bagi pemberian **cenderamata korporat** selain dari para 4.4.3 (i) dan (ii) di atas kadar maksimum adalah bernilai sehingga **RM200.00**.

4.5 Kadar Hadiah Pertandingan Individu Kanak-kanak dan Dewasa

4.5.1 Kadar hadiah pertandingan **individu kanak-kanak** bagi peringkat komuniti, daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa adalah seperti **Jadual 2**.

Jadual 2: Kadar Hadiah Pertandingan Individu Kanak-Kanak

PERINGKAT /TEMPAT	PERTAMA	KEDUA	KETIGA	SAGUHATI
Antarabangsa	RM3,000	RM2,500	RM2,000	RM1,000
Kebangsaan	RM2,000	RM1,500	RM1,000	RM500
Negeri	RM1,000	RM800	RM500	RM300
Daerah	RM500	RM300	RM200	RM100
Komuniti	RM100	RM50	RM30	RM20

4.5.2 Kadar hadiah pertandingan **individu dewasa** bagi peringkat komuniti, daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa adalah seperti **Jadual 3**.

Jadual 3: Kadar Hadiah Pertandingan Individu Dewasa

PERINGKAT /TEMPAT	PERTAMA	KEDUA	KETIGA	SAGUHATI
Antarabangsa	RM3,000	RM2,500	RM2,000	RM1,000
Kebangsaan	RM2,500	RM2,000	RM1,500	RM500
Negeri	RM1,500	RM1,000	RM500	RM200
Daerah	RM800	RM500	RM300	RM100
Komuniti	RM300	RM200	RM100	RM50

4.5.3 Kadar hadiah pertandingan secara **berkumpulan** untuk **kanak-kanak dan remaja** bagi peringkat komuniti, daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa adalah seperti **Jadual 4.**

Jadual 4: Kadar Hadiah Pertandingan Secara Berkumpulan untuk Kanak-Kanak dan Remaja

PERINGKAT /TEMPAT	PERTAMA	KEDUA	KETIGA	SAGUHATI
Antarabangsa	RM6,000	RM5,000	RM4,000	RM2,000
Kebangsaan	RM4,000	RM3,000	RM2,000	RM1,000
Negeri	RM2,000	RM1,600	RM1,000	RM600
Daerah	RM1,000	RM600	RM400	RM200
Komuniti	RM100	RM80	RM50	RM20

4.5.4 Kadar hadiah pertandingan secara **berkumpulan** untuk **kategori dewasa** bagi peringkat komuniti, daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa adalah seperti **Jadual 5.**

Jadual 5: Kadar Hadiah Pertandingan Secara Berkumpulan untuk Kategori Dewasa

PERINGKAT /TEMPAT	PERTAMA	KEDUA	KETIGA	SAGUHATI
Antarabangsa	RM12,000	RM10,000	RM8,000	RM4,000
Kebangsaan	RM10,000	RM8,000	RM6,000	RM2,000
Negeri	RM6,000	RM4,000	RM2,000	RM500
Daerah	RM3,000	RM1,500	RM800	RM300
Komuniti	RM1,000	RM800	RM500	RM200

4.5.5 Insentif pencapaian diberikan kepada individu atau kumpulan yang memperoleh anugerah atau memenangi sesuatu pertandingan anjuran pihak luar. Kadar yang diberikan untuk kategori **individu kanak-kanak atau remaja** bagi peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa adalah seperti **Jadual 6**.

Jadual 6: Kadar Insentif Pencapaian Kategori Individu Kanak-Kanak atau Remaja

PERINGKAT /TEMPAT	PERTAMA	KEDUA	KETIGA
Antarabangsa	RM3,000	RM2,500	RM2,000
Kebangsaan	RM2,000	RM1,500	RM1,000
Negeri	RM1,000	RM500	RM300

4.5.6 Kadar bagi **insentif pencapaian** untuk **individu dewasa** bagi peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa adalah seperti **Jadual 7**.

Jadual 7: Kadar Insentif Pencapaian Kategori Individu Dewasa

PERINGKAT/ TEMPAT	PERTAMA	KEDUA	KETIGA
Antarabangsa	RM15,000	RM10,000	RM5,000
Kebangsaan	RM10,000	RM5,000	RM1,000
Negeri	RM5,000	RM1,000	RM500

4.5.7 Kadar bagi **insentif pencapaian** secara **berkumpulan** untuk **kanak-kanak dan remaja** bagi peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa adalah seperti **Jadual 8.**

Jadual 8: Kadar Insentif Pencapaian Secara Berkumpulan untuk Kanak-Kanak dan Remaja

PERINGKAT/ TEMPAT	PERTAMA	KEDUA	KETIGA
Antarabangsa	RM7,000	RM5,000	RM2,500
Kebangsaan	RM5,000	RM2,500	RM2,000
Negeri	RM2,000	RM1,500	RM1,000

4.5.8 Kadar bagi **insentif pencapaian** secara **berkumpulan untuk kategori dewasa** di peringkat Negeri, Kebangsaan dan Antarabangsa adalah seperti **di Jadual 9.**

Jadual 9: Kadar Insentif Pencapaian Secara Berkumpulan untuk Kategori Dewasa

PERINGKAT	BERKUMPULAN		
	PERTAMA	KEDUA	KETIGA
Antarabangsa	RM30,000	RM20,000	RM10,000
Kebangsaan	RM20,000	RM10,000	RM5,000
Negeri	RM10,000	RM5,000	RM3,000

4.5.9 Kadar hadiah pertandingan dan insentif pencapaian secara berkumpulan turut terpakai untuk anak syarikat di bawah KKDW.

4.6 Kadar Bayaran Perkhidmatan Kepakaran dan Guna Tenaga

4.6.1 Kadar bayaran perkhidmatan bagi **penceramah** adalah seperti berikut:

(i)	Sijil/ Diploma	-	**RM100.00 sejam**
(ii)	Sarjana Muda	-	**RM200.00 sejam**
(iii)	Sarjana (Masters)	-	**RM300.00 sejam**
(iv)	Doktor Falsafah (PhD)	-	**RM400.00 sejam**

4.6.2 Penceramah yang dilantik hendaklah terdiri daripada kalangan pakar dalam bidang berkaitan. Dokumen pembuktian adalah sijil akademik/ *curriculum vitae*/ sijil atau pentauliahan daripada badan berkaitan.

4.6.3 Bagi **pesara Kerajaan** yang dilantik sebagai penceramah jemputan, kadar pembayaran tambang pengangkutan adalah mengikut **kadar gred terakhir** semasa dalam **perkhidmatan awam, terhad** sehingga **gred JUSA C** sahaja. Manakala kadar pembayaran penginapan dan makan minum pula adalah mengikut **kadar gred terakhir** semasa dalam **perkhidmatan** awam.

4.6.4 Bagi **penceramah** yang mempunyai kepakaran khusus sama ada dalam atau luar Negara, tambahan bayaran *ex-gratia* tidak melebihi 50% dari kadar penceramah mengikut kelulusan.

4.6.5 Manakala bagi **penceramah yang tidak mempunyai kelulusan akademik** namun mempunyai pengalaman dalam bidang tertentu sebagai contoh ceramah keusahawanan oleh Usahawan Tani, kadar yang diberikan adalah berdasarkan kelayakan **Sarjana Muda** dengan tambahan **RM50.00** bagi **setiap 5 tahun pengalaman berikutnya**. Sebagai contoh sekiranya individu berkenaan menjalankan perniagaan berasaskan pertanian selama 11 hingga 15 tahun maka bayaran yang boleh diberikan adalah sebanyak **RM250.00 sejam**.

4.6.6 Selain itu, kadar bagi perkhidmatan dan guna tenaga kepakaran seperti panel penilai, fasilitator, tenaga pengajar dan sebagainya adalah seperti berikut:

(i) Kadar bayaran kepada **panel penilai/ juri/ hakim/ pengadil/ inspektorat/ moderator** adalah sehingga **RM150.00** bagi **satu** (1) **acara/ perlawanan/ sesi.** Manakala kadar bayaran bagi **pengacara majlis** adalah **RM500/program/majlis;**

(ii) Bayaran kepada **pembentang kertas kerja/ laporan/ kajian** ialah sehingga **RM300.00** bagi **satu** (1) **kertas kerja**;

(iii) **Penyampai/ *pocket talk*** dibayar secara *one-off* sehingga **RM200.00** seorang bagi **satu** (1) **program/ majlis**;

(iv) Kadar bayaran bagi **fasilitator** yang dilantik ialah sehingga **RM50.00 sejam**;

(v) Bayaran kepada **tenaga pengajar** ialah sehingga **RM50.00 sejam**;

(vi) **Pembaca doa** boleh dibayar bayaran pada kadar maksimum sehingga **RM200.00 bagi satu (1) program/majlis**. Pemberian ini adalah secara *one-off*;

(vii) **Ketua Majlis Keagamaan** sebagai contoh Imam Solat Tarawih boleh dibayar **sehingga RM800/ program.**

(viii) Perkhidmatan **jurulatih** yang melibatkan aktiviti fizikal dibayar pada kadar sehingga **RM300.00 sejam** bergantung kepada kompleksiti tugasan. Manakala bagi **pembantu jurulatih** pula boleh dibayar pada kadar sehingga **RM100/orang/jam**. Terhad kepada dua **(2) orang** pembantu sahaja.

(ix) Kadar bayaran bagi **juru demo** seperti juru demo rancangan masakan ialah sehingga **RM300.00** sejam. Kadar ini merangkumi penyediaan peralatan bahan masakan dan bahan mentah oleh juru demo;

(x) **Penterjemah penulisan** dibayar pada kadar sehingga **RM40.00** untuk satu (1) muka surat;

(xi) **Penterjemah lisan** hendaklah dibayar mengikut kelayakan akademik seperti berikut:

a)	Sijil/ Diploma	-	**RM100.00 sejam**
b)	Sarjana Muda	-	**RM120.00 sejam**
c)	Sarjana (Masters)	-	**RM140.00 sejam**
d)	Doktor Falsafah (PhD)	-	**RM220.00 sejam**

(xii) Kadar bayaran bagi **pengumpul data** ialah sehingga **RM500.00** bagi **satu (1) laporan** yang disediakan. Contoh pengumpul data bagi Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional (SPKPN);

(xiii) Bayaran bagi **penggerak sukarelawan** adalah sehingga **RM50.00 sehari.** Ianya diberikan kepada individu tertentu yang dilantik untuk menjadi ketua dalam sesuatu program/ aktiviti kemasyarakatan; dan

(xiv) Bayaran bagi perkhidmatan **panel pembangunan modul** adalah sehingga **RM100/ jam**.

4.6.7 Di samping itu, kadar bagi bayaran perunding perkhidmatan (bukannya perunding yang terlibat dengan projek pembangunan fizikal atau Kajian Kerajaan) adalah sehingga RM20,000.

4.7 Kadar Bantuan Bencana dan Pandemik

4.7.1 Kadar bagi bantuan bencana termasuk pandemik adalah dalam bentuk **bakul makanan** atau **wang tunai** atau kedua-duanya sekali.

4.7.2 Pemberian **bakul makanan** merupakan bantuan awal kepada isi rumah yang terlibat dengan bencana termasuk pandemik termasuk penyakit tibi dan kusta. Bantuan tersebut adalah berbentuk makanan/ keperluan harian tidak termasuk kos pembungkusan/ kos pengangkutan dengan kadar sehingga **RM200.00/ Ketua Isi Rumah (KIR)** yang layak mengikut keperluan.

4.7.3 Pemberian bantuan berbentuk **wang tunai** merupakan bantuan yang diberikan pada fasa pasca bencana untuk keluarga yang terlibat dengan bencana seperti kebakaran dan bencana alam seperti banjir, ribut taufan dan sebagainya dengan kadar sehingga **RM500.00/ ketua isi rumah** yang layak.

4.7.4 Bayaran **Pengurusan Kemalangan** peserta yang melibatkan kematian sahaja semasa menghadiri program/ latihan rasmi Kementerian sehingga **RM3,000**.

4.8 Bantuan Persediaan Persekolahan dan Pendidikan

4.8.1 Kadar bantuan bagi **persediaan persekolahan dan pendidikan** adalah mengikut peringkat TABIKA/ TASKA, sekolah rendah/ menengah dan Institusi Pengajian Tinggi atau Institut Kemahiran.

4.8.2 Kadar bantuan persediaan persekolahan untuk **peringkat TABIKA dan TASKA** adalah bertujuan untuk pembelian alat & bahan belajar kanak-kanak TABIKA/ TASKA KEMAS **maksimum** bagi **RM150.00/ seorang pelajar**.

4.8.3 Kadar bantuan persediaan persekolahan bagi **peringkat rendah dan menengah** adalah merangkumi pembayaran yuran persekolahan, pembelian alat tulis dan pakaian sekolah bagi pelajar sekolah rendah dan menengah termasuk Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) dan **terhad kepada RM1,100.00 seorang pelajar**.

4.8.4 Kadar bantuan persediaan persekolahan bagi peringkat Kolej/ **Institut Kemahiran dan Institusi Pengajian Tingggi (IPT)** adalah bagi persediaan pembelian barangan keperluan sebelum kemasukan pelatih di Institut Pengajian Tinggi dan Institut/ Akademi/ Kelas Kemahiran sehingga **RM1,000.00 seorang pelajar**.

4.9 Bantuan Perniagaan (*Start up*) dan *Kit* Latihan

4.9.1 Bantuan **perniagaan (*start-up*)** adalah pemberian bantuan dalam bentuk barangan modal untuk memulakan perniagaan sehingga **RM100,000.00** bagi **sebuah syarikat**. Syarat utama ialah peserta perlu berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

4.9.2 *Kit* latihan adalah peralatan untuk latihan secara terus (*hands-on)* yang dibekalkan kepada peserta kursus. Ianya juga termasuk bayaran pendaftaran dengan SSM untuk kursus latihan keusahawanan. Bayaran yang dibayar bagi tujuan *kit* latihan maksimum sehingga **RM4,000.00 seorang peserta**.

4.10 Kadar Bayaran Penyanyi

4.10.1 Kadar bagi perkhidmatan bakat penyanyi solo, berkumpulan dan penyanyi latar (*background singer*) adalah seperti berikut:

(i) **Penyanyi tempatan bertaraf antarabangsa** kadar bayaran adalah sehingga **RM10,000.00** bagi sebuah lagu. Pemberian di bawah kadar ini adalah mengambil kira kriteria berikut:

a) Pernah mendapat pengiktirafan/ anugerah di peringkat antarabangsa; dan

b) Aktif membuat persembahan di peringkat antarabangsa.

(ii) **Bagi penyanyi tempatan ternama dan popular** kadar bayaran adalah sehingga **RM5,000.00** bagi sebuah lagu. Pemberian kadar yang tinggi perlulah mengambilkira kriteria berikut:

a) Penyanyi berkenaan Malar Segar (*evergreen*);

b) Lama berada dalam industri (lebih dari 5 tahun); dan

c) Kerap membuat persembahan di majlis rasmi/ korporat.

(iii) Bagi **penyanyi tempatan semasa** dan **diminati** kadar bayaran adalah sehingga **RM2,000.00** bagi **sebuah lagu**. Pemberian kadar yang tinggi perlulah mengambil kira kriteria berikut:

a) Artis baharu dalam industri (kurang 5 tahun);

b) Diminati ramai sebagai contohnya, mempunyai pengikut (*followers*) di media sosial melebihi 10 ribu orang; dan

c) Mempunyai imej serta personaliti yang bersih.

(iv) Kadar bayaran bagi **penyanyi berkumpulan** adalah sehingga **RM3,000.00** satu (1) kumpulan bagi sebuah lagu.

(v) Kadar bayaran bagi **penyanyi latar** (*background singer*) adalah sehingga **RM200.00** bagi sebuah lagu/ seorang.

4.11 Kadar Bayaran Penari

4.11.1 Kadar bayaran bagi **perkhidmatan penari** (*dancer*) berkumpulan adalah sehingga **RM3,000.00** bagi satu (1) majlis. Pemberian kadar yang tinggi diberikan kepada penari profesional yang mempunyai sijil atau pengalaman melebihi lima (5) tahun dalam bidang berkaitan.

4.11.2 Kadar bayaran bagi **perkhidmatan koreografi** (*choreographer*) atau guru seni tari atau pencipta gerak seni tari ialah sehingga **RM800.00** bagi **satu (1) tarian**. Pemberian kadar yang tinggi diberikan kepada guru tari profesional yang mempunyai sijil atau pengalaman melebihi lima (5) tahun dalam bidang berkaitan.

4.12 Kadar Bayaran Pelawak

4.12.1 Kadar bayaran bagi **pelawak solo** atau komediri (s*tand-up comedian*) ialah sehingga **RM2,000.00 sejam** bagi satu (1) majlis/ program.

4.12.2 Kadar bayaran bagi **pelawak berkumpulan** ialah sehingga **RM5,000.00 sejam** bagi satu (1) majlis/ program.

4.13 Kadar Bayaran Pemuzik/ Pancaragam

4.13.1 Kadar bayaran bagi **pemuzik**/ **pancaragam** (*music band*) ialah sehingga **RM5,000.00** bagi **satu (1) persembahan.** Pemberian kadar ini adalah mengikut persembahan iaitu **minimum empat (4) lagu** bagi **satu (1) majlis/ program**.

4.13.2 Kadar bayaran bagi **pemuzik tradisional** ialah sehingga **RM3,000.00** bagi **satu (1) persembahan** dalam satu (1) majlis/ program. Contoh pemain muzik tradisional adalah cak lempong, angklung, gamelan dan sebagainya. Pemberian kadar ini adalah mengikut persembahan iaitu **minimum dua (2) lagu**.

4.13.3 Kadar bayaran bagi **konduktor muzik** ialah shingga **RM2,000.00 per skor** bagi satu (1) majlis/ program.

4.14 Kadar Bayaran Perkhidmatan bagi Tenaga Kreatif

4.14.1 Kadar bayaran bagi perkhidmatan bagi tenaga kreatif adalah termasuk penggubah lagu, penulis lirik, persembahan artistik, kurator, pelukis, pegawai galeri dan penulis skrip adalah seperti berikut:

(i) kadar bayaran bagi **penggubah lagu** *(song writer)* ialah sehingga **RM5,000.00** bagi sebuah lagu. Manakala bayaran bagi **pakej gubahan lagu** ialah sehingga **RM20,000** yang merangkumi menulis lirik, gubahan muzik atau melodi untuk lagu-lagu dan rakaman nyanyian termasuk hak cipta lagu tersebut. Kadar bayaran bagi **video muzik/korporat** pula adalah sehingga **RM10,000/ video**.

(ii) Kadar bayaran bagi **Pengarah Persembahan/ Artistik** ialah sehingga **RM1,000.00** satu (1) persembahan.

(iii) kadar bayaran bagi penulis skrip (*script writer*) sama ada bagi drama, radio, televisyen, video dan filem adalah sehingga **RM500.00** per skrip.

(iv) kadar bayaran bagi kurator/ pelukis atau pegawai galeri adalah sehingga **RM1,000.00** dari **luar negara** dan **RM800.00** dari **dalam negara**.

4.15 Kadar Bayaran Persembahan Seni Mempertahankan Diri

4.15.1 Antara kategori persembahan seni mempertahankan diri adalah seperti seni silat, Karate, Tomoi atau *Muay Thai,* Taekwando,

Judo, Wushu, Kendi, Jujutsu, Aikido, Shorinji-kempo, Kungfu, Capoeira, Kalaripayat, Silambam dan lain-lain yang berkaitan dengannya.

4.15.2 Kadar bayaran bagi persembahan **seni mempertahankan diri secara berkumpulan** ialah sehingga **RM1,500.00**. Pembayaran ini adalah secara *one-off* bagi satu (1) program/ persembahan/ majlis.

4.16 Kadar Bayaran Perkhidmatan Pereka Fesyen dan Peragaan

4.16.1 Kadar bayaran bagi perkhidmatan pereka fesyen (*fashion designer*) dan peragaan fesyen adalah seperti berikut:

(i) kadar bayaran bagi pereka fesyen ialah sehingga **RM700.00** bagi **satu (1) rekaan**.

(ii) kadar bayaran bagi peragaan fesyen ialah **RM300.00 satu (1) peragaan**.

4.17 Kadar Bayaran Perkhidmatan Selebriti Lain

4.17.1 Selain daripada senarai di atas, selebriti lain adalah termasuk individu yang dianggap sebagai selebriti dan terkenal seperti pendakwah (*dai'e*) bebas, yang telah memenangi program realiti televisyen seperti pencetus ummah (PU), pakar motivasi (*motivator*), ahli sukan dan *social media influencer (SMI).*

4.17.2 Kadar bayaran bagi perkhidmatan selebriti lain adalah sehingga **RM5,000.00** bagi **satu (1) program/ majlis**. Kadar tertinggi boleh diberikan sekiranya memenuhi syarat berikut:

(i) Terkenal dalam kebanyakan media sosial;

(ii) Mempunyai pengikut (*followers*) sekurang-kurangnya 10,000 orang; dan

(iii) Mempunyai imej dan personaliti yang baik.

4.18 Kadar Bayaran Persembahan Kanak-Kanak Tabika/Taska

4.18.1 Kadar bayaran persembahan sebagai contoh nyanyian/ tarian oleh kanak-kanak tabika/ taska adalah sehingga **RM100.00** bagi **solo** dan **RM500.00 berkumpulan**. Pemberian kadar tersebut adalah bagi persembahan minimum **dua (2)** persembahan.

4.19 Kadar Bayaran Khusus bagi Orang Asli

4.19.1 Kadar khusus bagi Orang Asli ialah kadar yang digunakan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) tertakluk kepada peruntukan sedia ada untuk dibayar bagi tujuan menjaga kebajikan, kesihatan dan pendidikan Orang Asli. Antara kadar khusus bagi Orang Asli adalah seperti berikut:

(i) **Kadar Bayaran Pengiring dan Pesakit bagi Orang Asli**

a) Bagi menjaga kebajikan Orang Asli bayaran sehingga **RM40.00 seorang** boleh dibayar kepada **pengiring dan pesakit Orang Asli** untuk **pembelian barangan keperluan** mengurus diri sebagai contoh berus gigi, sabun mandi, kain sarung dan sebagainya. Pembayaran ini adalah secara *one-off*;

b) Kadar bayaran bagi **pengiring pesakit Orang Asli** ialah sehingga **RM40.00 seorang/ sehari** terhad kepada dua (2) orang pengiring sahaja. Kadar ini adalah untuk **penyediaan makan dan minum** kepada **pengiring pesakit** semasa di hospital, klinik atau pusat transit bukan kelolaan JAKOA yang tidak menyediakan kemudahan makan dan minum. Kadar

bayaran ini juga boleh diberikan kepada pesakit yang mendapatkan rawatan harian sama ada di hospital ataupun klinik atau sekiranya ditempatkan di pusat transit bukan kelolaan JAKOA; dan

c) Kadar bayaran penginapan bagi pengiring pesakit pula sekiranya tiada pusat transit berdekatan adalah sehingga **RM200 sehari.**

(ii) **Kadar Bayaran Pengangkutan bagi Pesakit Orang Asli**

Bagi membantu pergerakan pesakit Orang Asli bayaran bagi **pengangkutan pesakit Orang Asli** adalah seperti di **Jadual 10**.

Jadual 10: Kadar Bayaran bagi Pengangkutan Pesakit Orang Asli

JENIS LALUAN	KADAR (RM)
Laluan 1 (Darat - Laluan *Premix*)	**RM30.00** bagi kilometer pertama **RM2.50** setiap kilometer seterusnya.
Laluan 2 (Darat - Laluan Bukan Premix)	**RM50.00** bagi kilometer pertama **RM6.00** setiap kilometer seterusnya.
Laluan 3 (Laluan Air)	**Bayaran secara sekaligus** (*lumpsum*) sehingga kadar **maksimum** sebanyak **RM550.00.**

(iii) **Bantuan Bayaran Susu Formula Khas Bagi Orang Asli**

a) Bagi memastikan kesihatan Orang Asli terpelihara, **bantuan bayaran susu formula khas** diberikan dengan kadar sehingga **RM200.00** kepada bayi pramatang yang memerlukan susu khas dan

pesakit Orang Asli yang terlantar dan memerlukan susu formula khas berbeza mengikut pesakit; dan

b) Bantuan ini diberikan berdasarkan nasihat Pakar Perubatan daripada Hospital/ Klinik di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.

(iv) **Bantuan Pembiayaan Peralatan Sokongan Perubatan bagi Orang Asli**

Bantuan pembiayaan peralatan sokongan perubatan bagi Orang Asli diberikan mengikut kadar harga peralatan sokongan perubatan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Peralatan sokongan perubatan termasuk:

i. anggota palsu;
ii. kerusi roda;
iii. alat bantuan pendengaran;
iv. alat-alat keperluan lain untuk rehabilitasi (pemulihan asas) daripada kesakitan yang dialami, meningkatkan kefungsian;
v. lain-lain bantuan bagi tujuan rawatan, pemulihan, penyembuhan dan bukan untuk tujuan keselesaan atau kosmetik.

(v) **Kadar Bayaran Hemodialisis/ CAPD (Dialisis Air) bagi Orang Asli**

Kadar bayaran Hemodialisis/ CAPD (Dialisis Air) bagi Orang Asli terhad sehingga **RM5,000.00 sebulan** berdasarkan tuntutan yang dikeluarkan dan disahkan oleh Pusat Perubatan di bawah KKM.

(vi) **Bayaran Berkhatan bagi Orang Asli**

Bayaran berkhatan bagi Orang Asli ialah sehingga **RM300.00 seorang**. Bantuan ini diberikan meliputi semua peringkat umur.

(vii) **Bayaran Bantuan Pengurusan Jenazah**

Bayaran bantuan pengurusan jenazah bagi orang Asli ialah sehingga **RM3,000 seorang**. Bantuan ini diberikan meliputi semua peringkat umur. Pembayaran dibuat berdasarkan resit atau dokumen pembuktian pembayaran yang dikeluarkan oleh penyedia perkhidmatan/ Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

(viii) **Bayaran Ujian Makmal, Ubat/ Vaksin Tunai bagi Orang Asli**

Bayaran untuk ujian makmal, ubat/ vaksin dan rawatan untuk Orang Asli adalah sehingga **RM2,500.00 sebulan**. Pembayaran dibuat berdasarkan resit atau dokumen pembuktian pembayaran yang dikeluarkan oleh Pusat Perubatan/ Klinik/ Hospital yang diiktiraf oleh KKM.

(ix) **Elaun Wang Saku Pelajar bagi Orang Asli**

Bagi memastikan Orang Asli tidak keciciran dalam sistem pendidikan di negara ini, anak-anak Orang Asli yang bersekolah menengah boleh dibayar **Elaun Wang Saku Pelajar (EWSP)** dengan kadar sehingga **RM10.00 seorang/ sehari**. Pemberian kadar ini walau bagaimanapun tertakluk kepada peruntukan Jabatan yang mencukupi.

(x) **Kadar Tajaan Biasiswa bagi Anak-Anak Orang Asli**

Kadar tajaan biasiswa anak-anak Orang Asli yang cemerlang dalam pelajaran ialah dengan **kadar minimum** sehingga **RM900.00** dan **kadar maksimum** sehingga **RM9,760.00** untuk **satu semester** bagi Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam negara.

(xi) **Kadar Bayaran bagi Pelajar Orang Asli Yang Menghadiri Program Rasmi**

Kadar bayaran kepada pelajar Orang Asli ialah sehingga **RM40.00 seorang/ sehari**. Kadar ini adalah untuk penyediaan makan dan minum kepada pelajar dan pengiring semasa menghadiri program atau jemputan rasmi yang **tidak menyediakan kemudahan makan dan minum**. Pengiring terhad kepada **seorang (1)** sahaja.

(xii) **Bayaran Pengangkutan bagi Pelajar Orang Asli**

Bagi membantu pergerakan anak-anak Orang Asli ke sekolah, bayaran bagi **pengangkutan pelajar Orang Asli** adalah seperti di **Jadual 11**.

Jadual 11: Bayaran bagi Pengangkutan Pelajar Orang Asli

JENIS LALUAN	KADAR (RM)
Laluan 1 (Darat - Laluan *Premix*)	**RM30.00** bagi kilometer pertama **RM2.50** setiap kilometer seterusnya
Laluan 2 (Darat - Laluan Bukan *Premix*)	**RM50.00** bagi kilometer pertama **RM6.00** setiap kilometer seterusnya
Laluan 3 (laluan air)	**Bayaran secara sekaligus** (*Lumpsum*) sehingga kadar **maksimum** sehingga **RM550.00.**

(xiii) **Kadar Bayaran Persembahan Lagu/ Tarian oleh Orang Asli**

a) Kadar bayaran bagi lagu atau tarian oleh Orang Asli adalah sehingga **RM1,500.00** bagi persembahan solo dan **RM3,000.00** bagi persembahan secara berkumpulan; dan

b) Pemberian kadar tersebut adalah bagi persembahan minimum **dua (2)** buah lagu/ satu jenis tarian.

JAWATANKUASA PENILAIAN PEROLEHAN (JPP)

5. Berdasarkan pekeliling WP10.9, satu (1) **Jawatankuasa Penilaian Perolehan (JPP)** bagi menilai kadar bayaran kepada golongan sasar dan **perkhidmatan bukan pegawai awam** perlu ditubuhkan. Antara peranan JPP ialah seperti berikut:

5.1 JPP akan memperaku cadangan kadar bayaran, pelantikan dan jumlah kos keseluruhan bayaran bagi program yang terlibat kepada **Pihak Berkuasa Melulus (PBM)**;

5.2 JPP berusaha sedaya upaya membuat perbandingan harga di pasaran bagi memastikan kadar yang dikenakan adalah berpatutan; dan

5.3 Sekiranya kadar yang hendak yang diberikan kepada bukan pegawai awam tiada atau melebihi daripada senarai kadar dalam SPKSU ini, maka **perakuan JPP** adalah **diperlukan** untuk **kelulusan PBM**.

PIHAK BERKUASA MELULUS (PBM)

6. Berdasarkan Pekeliling WP10.9, KKDW/ Jabatan/ Agensi di bawahnya boleh dibenarkan:

6.1 Menetapkan kadar kepada golongan sasar dan melaksanakan perolehan secara rundingan terus bagi perkhidmatan kepakaran individu atau kumpulan, daripada kalangan bukan pegawai awam dalam program rasmi Kerajaan;

6.2 Had nilai perbelanjaan adalah berdasarkan jumlah keseluruhan perbelanjaan melibatkan kadar perkhidmatan, pembelian hadiah berbentuk barangan, pemberian wang tunai, bayaran/ tuntutan perjalanan/ pengangkutan, bayaran makan minum, penginapan dan lain-lain yang terlibat bagi bayaran kepada bukan pegawai awam tersebut dalam program rasmi Kerajaan;

6.3 Bagi had nilai perbelanjaan di bawah RM20 ribu, PBM ialah Pegawai Pengawal atau Pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pegawai Pengawal secara bertulis;

6.4 Bagi apa jua kadar yang mana nilai perbelanjaan keseluruhan adalah melebihi RM20 ribu sehingga RM500 ribu, maka ianya hendaklah dibawa untuk pertimbangan Jawatankuasa Sebut Harga sebagai PBM;

6.5 Manakala bagi kadar yang mana nilai keseluruhan perbelanjaan adalah melebihi RM500 ribu dan ke atas hendaklah dibawa untuk pertimbangan Lembaga Perolehan sebagai PBM; dan

6.6 Bagi Kaedah Pelaksanaan Perolehan/ Projek Kerajaan ianya hendaklah dibaca bersekali dengan SPKSU berkaitan proses dan pelaksanaan perolehan yang dikeluarkan oleh Bahagian Perolehan, KKDW dan PK 2.2 Tahun 2021 (Kuat kuasa 21 April 2021) yang telah dikeluarkan oleh MOF.

LAPORAN

7. Penyediaan laporan hendaklah dilakukan seperti berikut:

7.1 Laporan kelulusan kadar perlu disediakan secara berkala sebelum 10 haribulan setiap suku tahun (10 April, 10 Julai, 10 Oktober dan 10 Januari) oleh Bahagian Perolehan, KKDW selaku urus setia PBM KKDW;

7.2 Sebarang kelulusan daripada PBM di peringkat Jabatan perlu dikemukakan kepada Bahagian Perolehan, KKDW untuk tujuan pelarasan; dan

7.3 Laporan ini hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada 15 haribulan bulan berikutnya kepada MOF.

PEMAKAIAN

8. Pemakaian SPKSU ini adalah berdasarkan prinsip seperti berikut:

8.1 Penetapan kadar bayaran yang melibatkan individu atau kumpulan bukan pegawai awam adalah berdasarkan peraturan semasa Kerajaan yang sedang berkuat kuasa;

8.2 Kadar yang ditetapkan bagi bukan pegawai awam yang terlibat dengan program di bawah KKDW hendaklah **tidak melebihi kadar siling yang ditetapkan dalam SPKSU** ini;

8.3 Jumlah perbelanjaan bagi keseluruhan program yang melibatkan bukan penjawat awam hendaklah **tertakluk kepada peruntukan sedia ada** Bahagian/ Jabatan/ Agensi **tanpa melibatkan** sebarang **peruntukan tambahan**;

8.4 Bagi mana-mana kadar/ bayaran dan perkhidmatan yang tidak dinyatakan dalam peraturan sedia ada Kerajaan yang sedang berkuat kuasa dan dalam SPKSU ini, maka ianya perlu terlebih dahulu mendapat kelulusan khas PBM;

8.5 Bagi mana-mana **kadar** yang **melibatkan implikasi kewangan** yang **besar dan berterusan, perlu terlebih dahulu mendapat kelulusan** daripada **MOF**;

8.6 SPKSU ini hendaklah dibaca bersekali dengan **WP10.9** dan Arahan Perbendaharaan serta Pekeliling-Pekeliling lain yang berkaitan; dan

8.7 Pemakaian SPKSU ini dipanjangkan kepada semua agensi di bawah KKDW.

TARIKH KUAT KUASA

9. Surat Pekeliling Ketua Setiausaha ini berkuat kuasa serta-merta dari tarikh ianya diluluskan.

PEMBATALAN

10. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Ketua Setiausaha ini, Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Bilangan 2 Tahun 2021 [Penetapan Kadar Bagi Bukan Pegawai Awam Yang Terlibat Dalam Program Kementerian Pembangunan Luar Bandar] bertarikh 30 Jun 2021 adalah dibatalkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' SRI RAMLAN BIN DATO' HARUN)
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

8 Mei 2024

LAMPIRAN A

KAMUS ISTILAH/ TAFSIRAN BAGI PERKATAAN KHUSUS YANG DIGUNAKAN DALAM SPKSU MENGENAI PENETAPAN KADAR BAGI BUKAN PEGAWAI AWAM YANG TERLIBAT DALAM PROGRAM/ AKTIVITI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Tafsiran bagi perkataan-perkataan khusus/ tertentu dalam SPKSU ini merujuk kepada istilah-istilah seperti berikut:

BIL.	ISTILAH	TAFSIRAN
1.	Bakul Makanan	Berbentuk makanan/ keperluan harian tidak termasuk kos pembungkusan/ kos pengangkutan. Bakul makanan boleh merupakan barang keperluan asas seperti beras, tepung, gula, susu, garam, minyak masak dan sebagainya.
2.	Bantuan Perniagaan (*Start-up*)	Pemberian bantuan dalam bentuk barangan modal bagi memulakan perniagaan.
3.	Bantuan Persediaan Persekolahan dan Pendidikan	Merangkumi pembayaran yuran persekolahan, pembelian alat tulis dan pakaian sekolah bagi pelajar sekolah rendah dan menengah termasuk Maktab Rendah Sains MARA (MRSM). Manakala bagi peringkat Kolej/ Institut Kemahiran dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) adalah bagi persediaan pembelian barangan keperluan sebelum kemasukan pelatih di Institut Pengajian Tinggi dan Institut/ Akademi/ Kelas Kemahiran.
4.	Bencana	Kejadian buruk yang berlaku secara tiba-tiba, tidak dijangka masa berlakunya dan di luar kawalan manusia, Ianya adalah termasuk seperti air bah (banjir), kebakaran, ribut taufan, puting beliung termasuk lain-lain bencana alam seperti gempa bumi atau tanah runtuh dan sebagainya.
5.	Fasilitator	Orang yang membimbing sesuatu proses pembelajaran atau pengajaran.
6.	Hakim	Hakim dalam tafsiran SPKSU ini bukannya hakim yang mengetuai sesuatu prosiding mahkamah. Hakim di sini, merujuk kepada pegawai yang dilantik olek KKDW/ Jabatan/ Agensi di bawah KKDW untuk mengadili sesuatu pertandingan.

BIL.	ISTILAH	TAFSIRAN
7.	Hemodialisis/ *Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis* (CAPD) (Dialisis Air)	*Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis* atau CAPD adalah satu-satunya jenis *peritoneal* dialisis yang tidak menggunakan mesin. CAPD, boleh dilakukan sendiri di rumah atau di tempat kerja. Selalunya ia dilakukan 4 atau 5 kali sehari. Ianya dilakukan dengan meletakkan satu (1) beg dialisat (lebih kurang 2 liter) ke dalam rongga *peritoneal* anda melalui katerer. Dialisat akan dibiarkan di dalam rongga peritoneal tadi selama 4 atau 5 jam. Kemudian akan dikeringkan kembali ke dalam bag dan dibuang.
8.	Inspektorat	Orang yang melakukan pemeriksaan termasuk yang menyelia pemeriksaan dan proses pemeriksaan.
9.	Juri	Individu atau sekumpulan yang dilantik untuk menentukan pemenang sesuatu pertandingan atau penerima anugerah.
10	Juru Demo	Contoh juru demo ialah seperti chef/ tukang masak bagi rancangan masakan.
11.	Jurulatih	Jurulatih fizikal seperti jurulatih kawad dan jurulatih sukan seperti jurulatih senamrobik, *zumba*, gimrama dan sebagainya.
12.	Kanak-Kanak/ Remaja	Mengikut Akta Kanak-Kanak 2001, kanak-kanak didefinisikan sebagai seseorang yang di bawah umur 18 tahun. Walau bagaimanapun, bagi tujuan pemberian hadiah pertandingan bagi program yang dianjurkan oleh KKDW/ Jabatan/ Agensi di bawahnya. Kategori **kanak-kanak** ialah bagi umur 2 hingga 12 tahun. Manakala kategori **remaja** ialah berumur 13 tahun ke atas hingga di bawah umur 18 tahun.
13.	Kertas Kerja	Antara tafsiran kertas kerja termasuk: (i) Hasil usaha tentang sesuatu yang dicatat atau dituliskan untuk dikemukakan kepada sesebuah kumpulan atau orang ramai dalam sesuatu bengkel atau seminar; (ii) Pembentangan kertas untuk urusan perancangan sesuatu projek, kajian dan

BIL.	ISTILAH	TAFSIRAN
		penyelidikan sesebuah jabatan, syarikat atau institusi tertentu; dan (iii) Makalah bertulis yang mengandungi perbincangan mengenai sesuatu persoalan dan cadangan tertentu.
14.	*Kit* Latihan	Peralatan untuk latihan secara terus (*hands-on)* yang dibekalkan kepada peserta kursus.
15.	Komputer Riba	Komputer riba (dikenali juga dengan istilah *notebook/ powerbook*) ialah komputer peribadi untuk penggunaan secara bimbit.
16.	Konduktor Muzik	Konduktor muzik ialah seorang pemimpin persembahan sebuah orkestra, opera, koir, konsert atau kumpulan muzik (ensembel muzik). Pengarahan dilakukan menerusi cara gerak isyarat menerusi tindakan perlaksanaan arahan muzik bagi seni pengawalan untuk persembahan atau persembahan kumpulan pemuzik.
17.	Koreografi (*choreographer*)	Guru seni tari atau pencipta gerak seni tari
18.	Kurator	Kurator merujuk kepada orang yang bertanggungjawab menjaga koleksi di muzium.
19.	Latihan	Latihan bermaksud proses perkongsian ilmu dan kemahiran bertujuan menambah pengetahuan, kompetensi dan sikap yang bersesuaian untuk memenuhi keperluan serta tuntutan semasa sesebuah organisasi. Ia meliputi konvensyen, kursus, bengkel/ *retreat*, makmal (*lab*), seminar/ taklimat, kolokium, forum, simposium, lawatan rasmi/ korporat/ sambil belajar, klinik kaunseling dan program lain yang memenuhi definisi latihan.
20.	Moderator	Orang yang mengawal dan mengendalikan perbincangan supaya ianya berjalan dengan terancang dan teratur.
21.	Orang Asli	Mengikut Akta Orang Asli 1954 (Akta 134), menurut Akta Orang Asli ialah:

BIL.	ISTILAH	TAFSIRAN
		(a) Mana-mana orang yang bapanya adalah merupakan anggota kumpulan etnik Orang Asli, yang bercakap bahasa Orang Asli dan lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat serta kepercayaan Orang Asli dan termasuk seorang keturunan melalui jurai lelaki orang itu; (b) Mana-mana orang daripada mana-mana kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa bayi oleh Orang Asli yang telah dibesarkan sebagai seorang Orang Asli, lazimnya bercakap bahasa Orang Asli, lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat istiadat serta kepercayaan Orang Asli dan ialah anggota dari suatu masyarakat Orang Asli; atau (c) Anak dari mana-mana penyatuan antara seorang perempuan Orang Asli dan seorang lelaki daripada suatu kaum lain, dengan syarat bahawa anak itu lazimnya bercakap bahasa Orang Asli, lazimnya mengikuti cara hidup Orang Asli dan adat istiadat serta kepercayaan Orang Asli dan masih lagi menjadi anggota suatu masyarakat Orang Asli.
22.	Pancaragam	Satu pasukan atau kumpulan pemain muzik yang menggunakan alat-alat muzik seperti bras, alat genderang, trompet, harmonium, tiub kayu, perkusi dan sebagainya. Manakala pancaragam berbaris secara umumnya ialah sekumpulan pemuzik yang terdiri dari pemain alat muzik dan kadangkala pasukan penari/ pengawal yang biasanya membuat pertunjukan di kawasan terbuka dan melakukan jenis perbarisan (dan kemungkinan sebarang pergerakan lain) sambil bermain alat muzik mereka.
23.	Pandemik	Pandemik ialah wabak besar yang merupakan epidemik penyakit berjangkit yang merebak melalui populasi manusia merentasi kawasan luas. Ia bukan sahaja merangkumi sesebuah benua, malah boleh merebak ke seluruh dunia. Contoh pandemik ialah seperti cacar dan penyakit batuk kering, dan HIV. Contoh pandemik yang terbaru ialah pandemik *Corona Virus* 2019 (COVID-19).

BIL.	ISTILAH	TAFSIRAN
24.	Panel Penilai	Sesuatu kumpulan yang diberi tugasan untuk membuat penilaian terhadap sesuatu termasuk tugasan yang telah disiapkan, output yang dihasilkan atau memberi pemarkahan kepada mana-mana individu atau kumpulan atau syarikat yang menyertai sesuatu program, pertandingan, rancangan dan sebagainya.
25.	Pegawai Galeri	Merujuk kepada seseorang yang ditugaskan di mana-mana bangunan atau tempat pameran yang mempamerkan hasil karya seni atau sejarah dan sebagainya.
26.	Pemuzik Tradisional	Contoh pemuzik tradisional adalah pemain cak lempong, angklung, gamelan dan sebagainya.
27.	Penceramah	Orang yang memberi ceramah atau penerangan dan dalam tajuk atau topik tertentu.
28.	Pengacara Majlis	Seseorang yang dilantik untuk mengendalikan sesebuah majlis berdasarkan skrip yang telah diluluskan oleh pengurus/ penganjur majlis.
29.	Penggerak Sukarelawan	Individu tertentu yang dilantik untuk menjadi ketua dalam sesuatu program/ aktiviti kemasyarakatan.
30.	Penggubah Lagu	Penggubah (komposer) merujuk kepada seseorang yang menulis notasi muzik iaitu sistem yang mewakili aura muzik melalui penggunaan simbol-simbol tertentu, yang membolehkan ahli muzik memainkan nota tersebut sebagai muzik tersusun.
31.	Pengumpul Data	Contoh pengumpul data di bawah KKDW ialah bagi Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional (SPKPN).
32.	Penterjemah Lisan	Penterjemah lisan adalah termasuk penterjemah bagi bahasa isyarat untuk orang bisu atau pekak (orang tuli). Bahasa isyarat adalah bahasa yang mmengutamakan komunikasi manual, bahasa tubuh, dan gerak bibir, bukannya suara, untuk berkomunikasi. Antara kelompok utama yang menggunakan Bahasa ini termasuk orang tuli. Biasanya dengan mengkombinasikan bentuk tangan, orientasi dan gerak

BIL.	ISTILAH	TAFSIRAN
		tangan, lengan, dan tubuh, serta ekspresi wajah untuk mengungkapkan fikiran mereka.
33.	Penulis Lirik	Merujuk kepada seorang penulis lagu atau pengkarya lagu yang menulis lirik lagu, gubahan muzik lagu, atau gubahan melodi untuk lagu-lagu, atau kesemuanya sekali. Dengan kata yang lain, seorang penulis lagu ialah penulis lirik atau penggubah, ataupun kedua-duanya sekali.
34.	Penulis Skrip	Penulis skrip ialah seseorang yang menulis satu (1) cerita dalam bentuk skrip merangkumi babak yang akan berlaku dari awal hingga akhir, dialog setiap watak, waktu dan tempat watak tersebut dilakukan dan prop-prop yang terdapat dalam babak-babak tersebut.
35.	Penyampai/ *Pocket Talk*	Seseorang yang dilantik bagi tujuan menyampaikan atau berkongsi maklumat mengenai sesuatu dasar, perancangan atau pelaksanaan termasuk bagi produk dan barangan yang telah dihasilkan oleh sesuatu agensi atau syarikat.
36.	Peragaan	Memperlihatkan rekaan terkini fesyen pakaian terbaru yang dicipta oleh pereka fesyen. Peragaan biasanya dilakukan oleh model peraga pakaian.
37.	Peralatan Sokongan Perubatan	Peralatan sokongan perubatan termasuk: • Anggota palsu; • Kerusi roda; • Alat bantu pendengaran; dan • Alat-alat keperluan lain untuk rehabilitasi (pemulihan) daripada kesakitan yang di alami.
38.	Pereka Fesyen	Pereka fesyen termasuk seseorang boleh mencipta rekabentuk pakaian, seluar, skirt, baju moden dan tradisional termasuk aksesori seperti kasut dan beg tangan untuk pengguna.
39.	Persembahan Artistik	Persembahan artistik ialah sesuatu yang berkaitan dengan bakat seni seperti lukisan, muzik, sastera, teater, drama, filem, lakonan, tarian dan sebagainya.

BIL.	ISTILAH	TAFSIRAN
40.	Selebriti	Individu yang terkenal, menjadi tumpuan dan mempunyai pengaruh untuk menginspirasikan orang ramai. Contohnya: Artis, *Social Media Influencer* dan sebagainya.
41.	Tenaga Pengajar	Tenaga Pengajar merujuk kepada pengajar, pendidik, guru, cikgu, *mudarris* dan pengasuh yang merupakan tenaga pengajar atau pendidik di sesuatu institusi pendidikan seperti sekolah, pusat tuisyen atau memberikan kelas bimbingan. Tenaga pengajar juga merujuk kepada guru atau pendidik yang mempunyai kepakaran atau kemahiran dalam suatu bidang atau ilmu tertentu.

Sumber : Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka dan Wikipedia